

RABU • 14.03.2018

sukan@utusan.com.my

# SUKAN

**CHONG WEI  
BERDEPAN  
KESUKARAN**  
»31


## Azizul, Jun Hoong terbaik 2017

Oleh **ZAZALI JAMIAN**  
dan **NOR AZAN FITRI**  
sukan@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 13 MAC**

**J**AGUH berbasikal negara Mohd. Azizulhasni Awang dan ratu terjun Cheong Jun Hoong dinobatkan selaku Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan dalam majlis Anugerah Sukan Kebangsaan 2017 yang berlangsung di sini malam ini.

Kejayaan merangkul gelaran dunia dalam acara keirin pada tahun lalu menyaksikan Azizulhasni menjadi pilihan juri untuk diberikan pengiktira-

fan, mengetepikan cabaran tujuh calon lain yang turut disenarai pendek untuk anugerah sukan berprestij tempatan itu.

Ini adalah kali ketiga Azizulhasni dipilih sebagai Olahragawan Kebangsaan selepas 2009 dan 2010.

Azizulhasni disaingi oleh Mohd. Syarul Azman Mahen (bina badan), Muhammad Hakimi Ismail (olahraga), Gavin Kyle Green (golf), Mohd. Fitri Saari (hoki), Mohamad Rafiq Ismail (boling), Wong Weng Son (wusyu) dan Khairul Hafiz Jantan.

Sementara itu, kejayaan Jun Hoong meraih pingat emas acara terjun 10 meter platform dalam Kejohanan Dunia di Budapest, Hungary menjadikannya calon terbaik untuk diangkat sebagai Olahragawati Kebangsaan mengatasi lima calon lain iaitu S. Sivasingari (skuasy), Koi Sie Yan (gimrama), Fatehah Mustapa (lumba basikal), Emma Firyani Saroji (boling padang) dan Siti Safiyah Amirah Abdul Rahiman (boling).

Kejayaan itu menyaksikan Azizulhasni dan Jun Hoong masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM20,000, piala iringan, sijil serta piala pusingan dan persatuan yang



CHEONG  
JUN  
HOONG



**Anugerah ini pastinya menjadi pembakar semangat buat saya untuk terus cemerlang terutama dalam Sukan Komanwel dan Sukan Asia yang akan saya sertai tahun ini."**

**MOHD. AZIZULHASNI AWANG**  
Olahragawan Kebangsaan

diwakili mereka turut diberikan insentif sebanyak RM2,000.

Anugerah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V dalam majlis makan malam gilang-gemilang malam ini.

Azizulhasni yang dikenali sebagai *Pocket Rocketman* berkata, dia amat bersyukur dengan anugerah tersebut dan mengangapnya dapat meningkatkan motivasinya sebagai atlet.

"Anugerah ini pastinya menjadi pembakar semangat buat saya untuk terus cemerlang terutama dalam Sukan Komanwel dan Sukan Asia yang akan saya sertai tahun ini.

"Dapat meraih anugerah ini buat kali ketiga bagaikan satu penghormatan buat saya sebagai atlet kerana ini adalah anugerah sukan tertinggi di negara ini dan bukan senang untuk meraihnya," katanya.

Jun Hoong yang kini berada di Jepun pula berkata, kejayaan tersebut merupakan penghormatan tertinggi buat atlet di Malaysia terutama selepas berjaya menghasilkan kejayaan di persada sukan dunia.

"Terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sokongan kepada saya termasuk MSN (Majlis Sukan Negara) dan ISN (Institut Sukan Negara).

"Saya memohon maaf kerana tidak dapat bersama dalam majlis ini kerana berada di luar negara untuk terus mengharumkan nama Malaysia.

"Saya berharap kejayaan ini akan menjadi pendorong kepada saya untuk terus cemerlang di pentas kejohanan utama termasuk dalam Sukan Komanwel," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, atlet lontar peluru paralimpik negara Muhammad Ziyad Zolkefli dinobatkan selaku Olahragawan Paralimpik Kebangsaan selepas kejayaan muncul juara Kejohanan Dunia Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (IPC) di London untuk kategori F20 (masalah pembelajaran).

Atlet dari Gombak, Selangor itu turut membawa pulang wang tunai RM20,000 berserta piala iringan, piala pusingan dan sijil.

Jurulatih acara pecut kebangsaan Mohd. Poad Kassim dianugerahkan jurulatih lelaki terbaik kebangsaan manakala jurulatih bola keranjang wanita Yoong Sze Yuin menerima anugerah bagi kategori wanita.

Pasukan hoki lelaki negara dipilih sebagai pasukan lelaki kebangsaan terbaik manakala pasukan boling wanita diangkat sebagai pasukan wanita terbaik.

Anugerah  
Sukan  
2017



Olahragawan Kebangsaan  
**Mohd. Azizulhasni Awang**  
(lumba basikal)

Olahragawati Kebangsaan  
**Cheong Jun Hoong**  
(akuatik/terjun)

Olahragawan Paralimpik  
Kebangsaan  
**Muhammad Ziyad Zolkefli**  
(lontar peluru)

Olahragawati Paralimpik  
Kebangsaan  
**Tiada pemenang**

Pasukan Lelaki  
Kebangsaan Terbaik  
**Pasukan hoki**

Pasukan Wanita  
Kebangsaan Terbaik  
**Pasukan tenpin boling**

Jurulatih Lelaki  
Kebangsaan Terbaik  
**Mohd. Poad Kassim**  
(olahraga)

Jurulatih Wanita  
Kebangsaan Terbaik  
**Yoong Sze Yuin**  
(bola keranjang)

Anugerah Tokoh Sukan  
**Sultan Ahmad Shah**  
(bola sepak)

Anugerah Kepimpinan Khas  
**Datuk Wan Nawawi Wan  
Ismail** (boling padang)

Anugerah Khas  
• **Johor Darul Ta'zim**  
(bola sepak)  
• **Hafiz Syahrin Abdullah**  
(lumba motosikal)

**AZIZULHASNI  
AWANG** bersama  
trofi Olahragawan  
Kebangsaan  
2017 yang  
diterima dalam  
majlis di Kuala  
Lumpur malam  
tadi. **UTUSAN/  
NASIRRUDDIN  
YAZID**

